

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD  
[ KANGAR ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua bon Kerajaan yang diterbitkan dan jumlah aset Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan yang telah dijual sejak 1 Mac 2020 hingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejalan dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, pinjaman hanya dibuat untuk membiayai semula hutang yang matang dan membiayai perbelanjaan pembangunan. Bagi tempoh setengah tahun pertama 2020, Kerajaan telah menerbitkan bon dan sukuk sebanyak RM100.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM41 bilion digunakan untuk membiayai semula hutang yang matang manakala RM59.8 bilion adalah untuk membiayai defisit fiskal bagi tempoh yang sama dan *prefunding* kertas hutang yang akan matang dalam suku ketiga 2020.

2. Dari semasa ke semasa, Kerajaan akan mengenal pasti peluang untuk merasionalisasikan syarikat-syarikat MKD terutama bagi syarikat yang telah mencapai mandat dan objektif penubuhannya ataupun sudah

tidak relevan dengan objektif awal penubuhannya, melupuskan pegangan dalam syarikat yang mempunyai nilai komersil atau memberikan kesan *crowding out* dalam pasaran, atau menutup syarikat yang mengakibatkan beban kewangan kepada negara.

3. Dari Mac sehingga Jun 2020, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), dalam melaksanakan operasi pembelian dan pelupusan aset secara strategik yang berterusan, telah membuat pelupusan atas aset dan pegangan saham miliknya berjumlah kira-kira RM5.1 bilion. Dalam tempoh tersebut, aset dan saham yang dilupuskan adalah dalam pelbagai sektor dan industri yang terletak di dalam dan luar negara, termasuk telekomunikasi, tenaga, pelaburan, perkhidmatan kewangan, teknologi, ujian semikonduktor dan hartanah. Pelupusan tersebut adalah secara separa atau keseluruhan pegangan milik Khazanah sementara kaedah pelupusan pula adalah menerusi pelupusan di pasaran terbuka, penebusan bon, penempatan saham dan pelupusan peribadi. Selain daripada pelupusan oleh Khazanah, tiada syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dijual atau pegangan saham oleh MKD yang dilupuskan oleh Kerajaan sejak 1 Mac 2020 hingga kini.

4. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tiada sebarang penjualan atau pelupusan tanah milik Kerajaan Persekutuan dibuat selepas 9 Mei 2018 sehingga kini.

Sekian, terima kasih.